

16/09/1997

Belum masa isytihar darurat: Mahathir

SEPANG, Isnin - Kerajaan belum bercadang mengisytiharkan darurat alam sekitar ekoran keadaan jerebu yang semakin buruk di seluruh negara sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, darurat hanya akan diisytiharkan jika keadaan jerebu sampai ke tahap tertentu.

"Sekarang ini belum lagi. Tengoklah kalau jerebu banyak, kita isytihar," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan pendaratan ujian pesawat Boeing 747-400 di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

Seluruh negara kini diselubungi jerebu, yang dikatakan paling teruk setakat ini. Kebakaran hutan di wilayah Sumatera dan Kalimantan, Indonesia dikatakan menjadi punca utama keadaan itu.

Kualiti udara di seluruh negara terus menurun dengan Indeks Pencemar Udara (API) menunjukkan kawasan Gombak di Selangor hampir mencecah paras bahaya dengan bacaan 298.

Dr Mahathir berkata, keadaan jerebu kini yang berada pada tahap ketinggian hampir 3,000 meter menyulitkan pasukan pembenih hujan mengesan awan yang boleh dijadikan hujan.

"Kita sudah pun mengambil beberapa langkah menangani jerebu tetapi ia berjerebu juga. Kita sudah minta operator pembuat hujan supaya buat pembenihan walau di mana sahaja awan itu berada.

"Sekarang ini jerebu dah 9000 kaki. Awan pun tenggelam dalam jerebu dan sukar untuk mengesannya. Sekarang ini di mana saja kita jumpa awan, kita akan buat pembenihan hujan. Ia tidak semestinya di ruang udara Kuala Lumpur," katanya.

Mengenai ujian pesawat MAS itu, Perdana Menteri berkata pendaratan berjaya dilakukan dengan baik walaupun dalam keadaan jerebu.

"Kapal terbang boleh turun. Walaupun jerebu teruk sedikit, ia dapat juga turun. Pendaratannya sangat baik," katanya.

Menurutnya, projek KLIA yang membabitkan kos RM9 bilion itu dijangka siap mengikut jadual.

"Nampak boleh siap pada suku pertama tahun depan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir menghantar sepucuk surat kepada Presiden Suharto berhubung ancaman jerebu. Surat itu dikirim melalui Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding yang akan menghadiri majlis perasmian Persidangan Menteri Alam Sekitar Asean di Jakarta, mulai esok.

Law dijangka menyampaikan surat itu secara peribadi kepada Suharto apabila mengunjungi pemimpin Indonesia itu tengah hari esok.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata surat itu menunjukkan kesungguhan kerajaan berhubung masalah jerebu selain komitmen untuk mengatasi masalah itu bersama Kerajaan Indonesia.

Tanpa memaklumkan kandungan surat itu, Mohamed berkata kerajaan kedua-dua negara sepakat untuk mengatasi masalah jerebu melalui hubungan dua hala.

"Kertas cadangan berhubung perjanjian persefahaman yang diberi oleh Kerajaan Indonesia itu kini disemak oleh Peguam Negara.

"Kita masih menunggu pengesahan Peguam Negara dan berharap dapat menandatangani perjanjian itu seberapa segera yang boleh," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) di sini, hari ini.

(END)

